

DALAM KES TRIBUNAL KOPERASI T-03-2011

DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA

ANTARA

RAJARATNAM A/L M. GENGAN..... PEMOHON

DAN

KOPERASI KOTA BERHAD.....RESPONDEN

ALASAN AWARD

KEPUTUSAN SEBULAT SUARA: PUAN TAN GHEE PHAIK, Pengerusi Tribunal Koperasi; PUAN FATIMAH BT ANI, Anggota Panel Pegawai SKM; DAN TUAN HAJI AWI BIN AB. JALIL, Anggota Panel Koperasi Berdaftar

LATAR BELAKANG

1. Pemohon telah menfailkan pertikaian ini di Tribunal Koperasi kerana dia telah ditamatkan keanggotaannya oleh Responden. Pemohon menuntut agar dia diterima balik sebagai anggota Responden. Pemohon telah ditamatkan keanggotaannya pada 2.6.2009 selepas keputusan dibuat di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-28 (MAPT-28). Surat tunjuk sebab telah dikeluarkan oleh Responden kepada Pemohon meminta Pemohon memberi penjelasan kenapa tindakan disiplin tidak patut dikenakan terhadap Pemohon berdasarkan apa yang

dikatakan oleh Pemohon dalam suratnya yang tidak ditarikahkan kepada Responden yang diterima oleh Responden pada 18.2.2009 dan disalinkan kepada Penolong Koperasi Negeri Selangor, Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia dan Penolong Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi, Wilayah Sabak Bernam.

2. UUK berkenaan penggantungan dan pembuangan anggota yang digunakan oleh Lembaga Responden untuk menggantungkan keanggotaan Pemohon adalah seperti berikut:

“23(1) Seorang anggota hendaklah dianggap telah bertindak memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh digantung keanggotannya jika didapati melakukan mana-mana satu perkara berikut:-

(c) membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga atau anggota atau bekas anggota atau pekerja Koperasi ini;

(d) memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini.”

HAL KEADAAN YANG MEMBAWA KEPADA PEMECATAN PEMOHON

3. Pada 1.2.2009, Pemohon telah membaca dalam “rencana mukasurat tengah” (centre spread) surat khabar Malaysia Nanyang suatu artikel bertajuk “**Ibu kepada Setiausaha Koperasi diberi pinjaman RM400,000.00!**” dan satu lagi artikel

bertajuk “**RM50 juta aset Koperasi telah digadaikan?**”. Bersama-sama dengan kedua-dua artikel ini dipaparkan gambar-gambar Setiausaha Responden, seorang ALK Responden bernama En Kunasekaran a/l Natchiappan (En Kunasekaran) dan Bendahari Responden serta seorang lagi yang bukan dari Lembaga Responden. Di bawah gambar-gambar keempat-empat orang ini tercatat bahawa “*mereka menerima elaun daripada Koperasi-Koperasi lain*” serta nama-nama mereka. Rencana mukasurat tengah ini dikemukakan oleh Pemohon di ms 20 Borang A. SR2 iaitu Setiausaha Responden sendiri telah membaca dan menterjemahkan tajuk-tajuk artikel-artikel tersebut dalam rencana mukasurat tengah kepada Tribunal Koperasi ini semasa dia memberi keterangannya. Penterjemahan SR2 telah diterima sebagai benar oleh kedua-dua pihak.

4. Setelah membaca rencana mukasurat tengah ini, Pemohon telah menulis surat kepada Responden untuk meminta penjelasan (Surat Pohon Penjelasan). Surat Pohon Penjelasan tersebut dikemukakan di ms 3 sebagai Lampiran A kepada Borang A dan diturunkan di bawah ini:

“PER: PENJELASAN TENTANG PENGLIBATAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI KOPERASI BERKENAAN PENGGUNAAN WANG KOPERASI KOTA BERHAD

A. Surat Khabar Tamil Malaysia Nanban bth 01 Feb 2009.

Merujuk kepada berita yang dikeluarkan oleh Surat Khabar Tamil Malaysia Nanban bth 01 Feb 2009, saya telah terbaca bahawa beberapa orang pegawai Koperasi Kota Berhad telah terlibat dalam penggunaan wang dan bermacam-macam perkara berkaitan dengan kegunaan wang. Pegawai-pegawai yang

dimaksudkan bukan sahaja memegang jawatan di dalam Koperasi Kota Berhad, malah memegang jawatan di dalam lain-lain Koperasi.

2. Saya adalah salah seorang ahli di dalam Koperasi Kota Berhad ingin mendapat penjelasan dari tuan samada ianya terlibat dalam Koperasi Kota Berhad atau pun tidak terlibat.

3. Untuk pengetahuan tuan, selalunya saya dipanggil untuk menghadiri mesyuarat tahunan Koperasi ini, tetapi sejak tahun 2007 dan 2008, tiada apa-apa berita yang saya terima termasuk berkenaan dengan dividen dan sebagainya.

4. Diharap dapat tuan memberi penjelasan tentang Koperasi Kota Berhad kepada saya dan ahli-ahli yang lain supaya ianya tidak menjadi tanda tanya kepada kami ahli-ahli Koperasi ini.

5. Semoga mendapat penjelasan dari tuan dan tindakan dari pihak tuan sangat-sangat diharap dan dihargai.”

5. Surat Pemohon di atas telah ditujukan kepada Setiausaha Responden. Pemohon telah membangkitkan 3 perkara , iaitu –

1. Penjelasan berkenaan dengan penggunaan wang koperasi oleh pegawai-pegawai Responden yang juga memegang jawatan dalam koperasi lain;

2. Penjelasan mengapa Pemohon tidak dipanggil menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan dalam tahun 2007 dan tahun 2008; dan

3. Penjelasan mengapa Pemohon tidak menerima berita berkenaan dengan dividennya.

SAMA ADA SURAT TUNJUK SEBAB TELAH DITERIMA OLEH PEMOHON

6. Berdasarkan kepada Surat Pohon Penjelasan daripada Pemohon, Lembaga Responden telah mengambil tindakan tata-tertib terhadap Pemohon dengan menghantar surat tunjuk sebab bertarikh 6 Mac 2009 seperti mana dikemukakan sebagai Lampiran 1 Borang B Terpinda (Surat Tunjuk Sebab) kepada Pemohon meminta supaya dia menyatakan sebab-sebab kenapa tindakan disiplin tidak boleh diambil terhadapnya dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat tersebut.

7. Surat Tunjuk Sebab itu telah dipulangkan kepada Responden tanpa diserahkan. Surat Tunjuk Sebab daripada Responden telah dihantar melalui pos berdaftar A.R kepada alamat terakhir Pemohon. Surat tersebut telah dipulangkan kepada Responden tanpa diserahkan pada 2.4.2009 sebelum tarikh Mesyuarat Lembaga pada 10.4.2009. Sampul surat asal dan surat asal tersebut telah dikemukakan dalam pendengaran kes ini sebagai Exhibit R1 dan R2 masing-masing oleh Responden sendiri. Pemohon menyatakan bahawa dia tidak terima Surat Tunjuk Sebab daripada Responden dan telah tidak dapat menjawab tuduhan di dalam surat tersebut.

8. Mengikut Responden pula, menurut Peraturan 76 Undang-Undang Kecil (UUK) Responden, semua surat yang dihantar ke alamat terakhir anggota melalui pos hendaklah dianggap sebagai telah diterima oleh anggota tersebut. Sehubungan itu,

Responden berhujah bahawa Pemohon tidak boleh menyatakan bahawa dia sebenarnya tidak menerima surat tersebut kerana surat tersebut dianggap telah diterima oleh Pemohon.

9. Selepas tempoh masa yang diberikan kepada Pemohon untuk memberi penjelasannya, Lembaga Responden telah mengadakan Mesyuarat Lembaga pada 10.4.2009 dan dengan sebulat suara membuat keputusan bahawa Pemohon digantung keanggotaannya berdasarkan atas Peraturan 23(1)(c) dan (d) UUK Responden.

9. Tribunal Koperasi ini tidak dapat menerima hujahan ini kerana adalah jelas bahawa anggapan penerimaan di bawah UUK 76 telah dibatalkan oleh pengembalian dan pengemukakan Exhibit R1 dan R2 di dalam prosiding ini oleh Responden sendiri. Surat Tunjuk Sebab sebenarnya telah tidak diterima oleh Pemohon dan fakta ini menunjukkan bahawa Pemohon telah tidak diberikan peluang untuk membaca dan menjawab pertuduhan di dalam Surat Tunjuk Sebab. Dalam keadaan ini, hak asasi semula jadi untuk didengar (right to natural justice to be heard) telah tidak diberikan kepada Pemohon sebelum penggantungan keanggotaannya.

SAMA ADA PEMOHON TELAH MEMBUAT TUDUHAN PALSU KE ATAS ANGGOTA LEMBAGA

10. Mengikut Penghujahan Bertulis Responden, perenggan 3 Surat Pohon Penjelasan Pemohon adalah asas yang telah membuat Responden menghantar Surat Tunjuk Sebab kepada Pemohon untuk menyatakan kenapa tindakan disiplin tidak seharusnya diambil terhadap Pemohon. Mengikut Responden, apa yang dinyatakan oleh Pemohon dalam suratnya bahawa dia ‘tidak mengetahui butiran mesyuarat tahunan koperasi bagi tahun 2007’ adalah tidak benar dan dengan itu Pemohon telah “membuat tuduhan palsu terhadap anggota Lembaga Responden”.

11. Surat Tunjuk Sebab terus merujuk kepada perenggan 3 Surat Pohon Penjelasan dan menyatakan seperti berikut:

“Berdasarkan rekod kami, tuan telah menandatangani rekod kehadiran ‘**mesyuarat kawasan**’ yang diadakan pada 16 Jun 2007.

Berdasarkan minit mesyuarat kawasan tersebut, tuan telah menyokong usul penerimaan akaun koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2006. Tuan juga telah mengemukakan soalan tentang status surat hakmilik tanah skim perumahan Holmood.”

12. Mengikut keterangan yang diberikan oleh SR2, Undang-Undang Kecil (UUK) Responden telah pun dipinda dalam tahun 2006 di mana hanya wakil-wakil yang terpilih akan menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Responden dan

semua anggota yang lain hanya akan menghadiri Mesyuarat Agung Kawasan. Maka, adalah jelas bahawa mulai daripada tahun 2007, Pemohon telah tidak dijemput menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Responden.

13. Perkara ini telah tidak dijelaskan kepada Pemohon. Dibalikannya, Responden telah memberi gambaran bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Responden adalah sama dengan 'Mesyuarat Kawasan' dan tindakan tatatertib telah diambil terhadap Pemohon berdasarkan atas salah fahamnya berkenaan dengan haknya untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan pada setiap tahun. Dalam ms 20 dan 21 Nota Prosiding, SR2 sendiri mengakui bahawa kedua-dua mesyuarat ini merupakan mesyuarat yang berlainan tetapi dalam surat-suratnya, gambaran yang berlainan telah diberikan.

14. Tribunal Koperasi ini mendapati dengan sebulat suara bahawa tiada tuduhan palsu yang dibuat terhadap mana-mana anggota Lembaga apabila Pemohon memohon penjelasan kenapa dia tidak menerima jemputan untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Responden. Pemohon berhak bertanya mengenai perkara ini kerana sepatutnya Responden memberitahu Pemohon bahawa pindaan kepada UUK Responden telah diluluskan oleh SKM pada 17.5.2006 untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan mulai 2007.

15. Berkenaan dengan isu dividen dan lain-lain isu pula, walaupun tidak disebutkan dalam Surat Tunjuk Sebab, perkara ini dibangkitkan dalam pendengaran kes ini. Mengikut Penghujahan Bertulis Responden, nota dividen bagi tahun 2007 bertarikh 31.7.2008 dan nota dividen tahun 2008 bertarikh 5.9.2009 telah dihantar kepada Pemohon di alamatnya di No.24, Jalan SS4A/3A, Kelana Jaya, Sg. Way, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan . Mengikut SR2, setelah menerima surat Pemohon bertarikh 13.10.2008 berkenaan dengan penukaran alamat Pemohon, kesemua surat-menyurat dengan Pemohon telah dialamatkan ke alamat baru Pemohon di No.B5-6-48, Block 5, Jalan PJS8/5B, Desa Mentari 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Oleh ini, Responden berhujah bahawa dakwaan Pemohon bahawa dia tidak menerima berita mengenai dividennya adalah tuduhan palsu. Kesannya, menurut Responden, adalah dakwaan Pemohon tidak benar dan telah mencemarkan nama baik Responden kerana Surat Pohon Penjelasan Pemohon telah disalinkan kepada pihak penguatkuasaan Koperasi di Malaysia iaitu SKM.

16. Hujahan peguam Responden tidak betul kerana semasa Pemeriksaan Balas, SR2 telah mengakui bahawa nota dividen bagi tahun 2007 dan 2008 telah dihantar ke alamat lama Pemohon. Walaupun pada mulanya, SR2 ada memberi keterangan menyatakan bahawa segala surat-menyurat selepas 13 Oktober 2008 dengan Pemohon telah ditujukan ke alamat baru Pemohon, akhirnya SR2 terpaksa mengakui bahawa pihak Responden masih menghantar Nota Dividen Tahun 2008 bertarikh 5 September 2009 dan slip pengesahan audit bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 bertarikh 21 Mac 2009 berkenaan pengesahan baki saham

Pemohon ke alamat lama Pemohon sehingga menyebabkan Pemohon tidak menerima berita berkenaan dividennya.

17. Berasaskan kepada pengakuan SR2 sendiri, maka Tribunal Koperasi ini tidak dapat membuat keputusan bahawa Pemohon telah membuat tuduhan palsu ke atas ahli Lembaga Responden di bawah UUK 23(1)(c). Di sebaliknya, pihak yang telah memberi maklumat tidak benar kepada Pihak SKM adalah Setiausaha Responden melalui suratnya di Lampiran 2 Borang B .

SAMA ADA PEMOHON TELAH MENCEMARKAN NAMA BAIK DAN MENJEJASKAN URUSAN PERNIAGAAN RESPONDEN

18. Di samping didakwa membuat tuduhan palsu, Pemohon juga didakwa “memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini”. Semasa Pemeriksaan Semula, SR2 menyatakan bahawa Surat Pohon Penjelasan yang disalinkan kepada Penolong Koperasi Negeri Selangor, Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia dan Penolong Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi [Pihak SKM] telah mencemarkan nama baik Responden. Tindakan Pemohon telah “memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini”.

19. Tiada keterangan terperinci diberikan oleh Responden mengenai bagaimana nama baik Responden telah tercemar dan bagaimana urusan perniagaan Responden telah terjejas. Pembuktian bagi UUK ini adalah secara konjunktif di mana Responden harus membuktikan bahawa nama baik Responden telah tercemar *dan* urusan perniagaan Responden telah terjejas. Responden telah tidak membawa sebarang bukti bagi menunjukkan bahawa nama baik Responden tercemar *dan* urusan perniagaan Responden terjejas. Pada Pandangan Tribunal Koperasi ini, tindakan seseorang anggota yang menyalinkan surat pertanyaannya kepada Pihak SKM sebagai pihak yang mengawasi dan memantau pergerakan koperasi di Malaysia tidak boleh dianggap sebagai telah “memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini”.

20. Perenggan 3 Surat Pohon Penjelasan Pemohon telah menyatakan 2 perkara iaitu, pertama, Pemohon tidak dipanggil menghadiri Mesyuarat Tahunan Koperasi sejak tahun 2007 dan 2008 dan perkara kedua adalah dia tidak menerima apa-apa berita berkenaan dengan dividen dan sebagainya. Surat Tunjuk Sebab tidak menyentuh berkenaan perkara 1 dalam Surat Pohon Penjelasan iaitu, berkenaan dengan penggunaan wang koperasi oleh pegawai-pegawai Koperasi yang juga memegang jawatan di dalam koperasi lain, dan tiada penjelasan diberikan kepada Pemohon berkenaan dengan pertanyaannya mengenai isu penggunaan wang koperasi oleh pegawai-pegawai Responden seperti mana yang telah dibangkitkan dalam rencana mukasurat tengah di Malaysia Nanan.

21. Di sepanjang pendengaran kes ini, Responden telah mengelak daripada memberi sebarang penjelasan berkenaan apa yang dinyatakan dalam rencana mukasurat tengah di Malaysia Namban. Tiada sebarang penafian atau penjelasan dibuat oleh Responden berkenaan dengan isu kenapa gambarnya bersama dengan 2 orang ahli Lembaga yang lain terpapar dalam rencana tersebut walaupun mengikut SR2 rencana tersebut adalah berkaitan dengan koperasi lain dan bukannya Responden (Koperasi Kota). Penterjemahan rencana mukasurat tengah dan keterangan SR2 mengenai rencana tersebut diterima oleh Tribunal Koperasi ini menurut s83(5)(e) Akta Koperasi 1993 yang memperuntukkan bahawa –

“(5) Sesuatu tribunal yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh -

(e) walau apa pun undang-undang bertulis berhubungan dengan keterangan, menerima apa-apa keterangan, sama ada bertulis atau lisan, yang mungkin tidak boleh diterima dalam prosiding sivil atau jenayah; dan

22. Pemohon tidak menerima sebarang penjelasan secara langsung kepada suratnya. Selepas Responden mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab, Pemohon ada menerima surat Responden bertarikh 19.3.2009 yang ditandatangani oleh En

Uthaman Veloo, iaitu SR2 sebagai Setiausaha Koperasi Kota Berhad kepada Penolong Pengarah SKM Sabak Bernam yang disalinkan kepada Pemohon.

23. Surat itu dikemukakan di Lampiran 2 kepada Borang B di mana Responden menyatakan bahawa bagi;

“Perkara 1 : Pihak Koperasi langsung tidak berkaitan dengan berita yang keluar dalam surat khabar Tamil Malaysia Nanban yang bertarikh 1 Februari 2009. Ini kerana intipati berita tersebut langsung tidak mengaitkan ataupun menyatakan tentang pengurusan Koperasi Kota Berhad dengan gambar-gambar individu yang dikeluarkan.

Perkara 2 : Pihak Koperasi ingin menyatakan bahawa Koperasi Kota Berhad tidak terlibat mahupun tidak berkait langsung dengan berita dalam surat khabar tersebut”.

Perkara 3 : Berdasarkan rekod kami, tuan telah menandatangani rekod kehadiran mesyuarat kawasan yang diadakan pada 16 Jun 2007. Berdasarkan minit mesyuarat kawasan tersebut, tuan telahpun menyokong usul penerimaan akaun koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2006. Tuan juga telah mengemukakan soalan tentang status surat hakmilik tanah skim perumahan Holmood.

Perkara 4 : Sila merujuk kepada perkara 1, 2 dan 3.

Perkara 5 : Pihak tuan kami juga nota dividen telah diedarkan semua ahli pada bulan Ogos 2008.

Oleh hal yang demikian pengurusan Koperasi Kota Berhad dapat menjawab bagi segala persoalan pihak tuan. Harap maklum.”

24. Setelah membaca surat itu, adalah didapati surat itu tidak memberi penjelasan kepada Pihak SKM bahawa ketiga-tiga ALK Responden yang gambar mereka disiarkan tidak terlibat dalam salah guna wang Koperasi yang lain tetapi hanya menyatakan bahawa berita itu tiada berkaitan dengan Responden. Memang benar berita itu adalah berkaitan dengan Koperasi lain tetapi terdapat ALK Responden yang dikatakan terlibat dalam koperasi yang lain itu. Dan dengan itu, suatu penjelasan diperlukan daripada ketiga-tiga ALK tersebut.

25. Maka dengan ini, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara membuat keputusan bahawa Surat Pohon Penjelasan daripada Pemohon tidak memudaratkan kepentingan Responden dan Lembaga Responden tidak mempunyai asas untuk menggantungkan keanggotaan Pemohon di bawah UUK 23(1)(c) dan (d) semasa Mesyuarat Lembaga Responden pada 10.4.2009. Pertanyaan oleh seseorang anggota Responden berkenaan tingkah-laku beberapa orang ALK Responden tidak boleh dianggap sebagai telah memudaratkan kepentingan Responden. Pertanyaan itu bertujuan untuk memastikan sama ada benar atau tidak apa yang didakwa dalam rencana mukasurat tengah.

SAMA ADA PEMOHON TERKELUAR DARIPADA PLIDINGNYA

26. Mengikut Penghujahan Bertulis Responden, Pemohon telah ditamatkan keanggotaannya dalam Responden hanya berdasarkan kepada perenggan 3 Surat Pohon Penjelasannya. Oleh ini walaupun surat Pohon Penjelasan Pemohon ada merujuk kepada penyelewengan wang Koperasi dan memohon penjelasan daripada Responden berkenaan dengan rencana muka tengah Malaysia Namban bertarikh 1.2.2009, Pemohon tidak dibenarkan merujuk kepada perenggan-perenggan lain dalam Surat Pohon Penjelasannya. Hujahan selanjutnya oleh Responden adalah bahawa "Therefore, we humbly submit that Borang A must be confined to what is found in the show cause letter dated 6.3.2009 and nothing else." Responden telah merujuk kepada kes **Ranjit Kaur a/p S. Gopal Singh v Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd [2010] MLJU686** di mana Mahkamah Persekutuan telah membuat keputusan bahawa sesuatu pihak adalah terikat dengan plidingnya dan dalam kes itu, Mahkamah Perindustrian mesti membuat keputusan berdasarkan kepada pliding sesuatu pihak.

27. Keputusan Mahkamah Persekutuan memang mengikat Tribunal Koperasi ini dan Tribunal Koperasi ini tidak bercadang pada bila-bila masa untuk mengengkari prinsip *stare decisis* yang merupakan asas bagi sistem perundangan negara kita. Jika dikaji permintaan Responden supaya Tribunal Koperasi ini hanya merujuk kepada surat tunjuk sebab Responden yang hanya merujuk kepada perenggan 3 Surat Pohon Penjelasan, maka ini akan bermakna bahawa Tribunal Koperasi ini

akan mengengkari prinsip *stare decisis* kerana Tribunal Koperasi ini terpaksa tidak menghiraukan Borang A serta Lampiran-Lampiran yang difailkan oleh Pemohon secara keseluruhan. Butir-butir pertikaian termasuklah hal keadaan yang membawa kepada pertikaian telah dinyatakan oleh Pemohon dalam perenggan 4 Borang A. Ianya adalah “sebuah artikel dalam surat khabar mengenai ahli-ahli jawatankuasa KKB (lampiran disertakan)” dan perkara ini telah dinyatakan oleh Pemohon dalam perenggan pertama Surat Pohon Penjelasannya dan dilampirkan oleh kedua-dua pihak kepada Borang A dan Borang B mereka masing-masing dan oleh ini memang menjadi sebahagian daripada pliding Pemohon.

28. Cara merujuk pertikaian kepada Tribunal Koperasi ini adalah berbeza dengan pemfailan penyata tuntutan di Mahkamah. Dalam Borang A, Pemohon perlu melampirkan dokumen-dokumennya dan telah menjadi kebiasaan untuk pihak-pihak menggunakan kertas tambahan untuk menyenaraikan butir-butir pertikaian mereka kerana ruang kosong yang disediakan dalam Borang A tidak mencukupi. Pemohon telah menyatakan di ms 1 Borang A bahawa *‘Pada hari 1 Feb 2009, saya menanyakan sedikit keterangan tentang isu yang dipaparkan di surat khabar Malaysia Nanban. Tetapi ahli-ahli Koperasi tidak berikan keterangan dan juga tidak mengambil tindakan terhadap wartawan yang menulis isu tersebut. Malah, mereka mengambil tindakan terhadap saya kerana menyuarakan tentang isu ini. Adakah tindakan begini sesuatu yang adil? (Rujuk Lampiran A)’*. [Lampiran A adalah Surat Pohon Penjelasan Pemohon.]

29. Setelah meneliti Borang A Pemohon, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara mendapati bahawa berpandukan kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes **Ranjit Kaur a/p S. Gopal Singh v Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd [2010] MLJU686**, Pemohon boleh merujuk kepada ‘artikel dalam surat khabar’ sebagai hal keadaan yang membawa kepada pertikaian ini dan juga kepada perenggan-perenggan lain dalam Surat Pohon Penjelasan Pemohon kerana perkara-perkara tersebut adalah sebahagian daripada plidingnya.

Bidang Kuasa Tribunal Koperasi

30. Responden telah merujuk kepada kes **V. Govindaraj v President, Malaysia Indian Congress & Anor [1984]1 MLJ 190** yang menyatakan bahawa Mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyemak kembali keputusan yang dibuat oleh tribunal domestik dalam sesebuah persatuan atau kelab. Maka, Responden telah berhujah bahawa Tribunal Koperasi ini juga tidak boleh melihat sama ada Responden mempunyai fakta yang mencukupi atau kukuh untuk melucutkan keanggotaan Pemohon.

31. Setelah meneliti kes-kes yang dikemukakan oleh Responden, Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa kes-kes yang dikemukakan oleh Responden bagi menyokong hujahannya tidak terpakai. Bidangkuasa jawatan kuasa yang diwujudkan untuk mendengar prosiding pemecatan anggota dalam sebuah kelab

atau persatuan tidak boleh disamakan dengan bidang kuasa yang jelas diberikan kepada Tribunal Koperasi ini di bawah seksyen 82(1) Akta Koperasi 1993. Dalam kes **Professor Dr. A.Kahar Bador & Ors V. N. Krishnan & Ors (No.2) [1983] 1 MLJ 412, 414** iaitu suatu kes yang melibatkan sebuah koperasi iaitu *The Mercantile Co-operative Thrift and Loan Society Limited, Selangor* **YA Hakim Hashim Yeop A. Sani** (pada masa itu) telah memutuskan bahawa:

"The disputes described in section 49(1).of the Ordinance [Seksyen 49 Ordinan Koperasi 1948 adalah pari materia dengan seksyen 82 Akta Koperasi 1993] is any dispute "touching the business" of the Society. I interpret the words "the business of the Society widely to include generally the running of the affairs of the society. In my view the idea behind section 49 of the Ordinance is obviously to enable the Registrar-General to settle disputes relating to the internal affairs of the Society first before such disputes are allowed to come to the courts.

...The powers of the Registrar-General of Cooperative Societies in matters of controlling and supervising co-operative societies are wide."

32. Maka, berdasarkan kepada Akta Koperasi 1993 dan tafsiran yang telah diberikan oleh Mahkamah mengenai bidang kuasa yang telah diberikan kepada SKM dan justeru itu kepada Tribunal Koperasi ini untuk membuat keputusan dalam isu-isu yang menyentuh hal-ehwal sesebuah koperasi adalah luas. Satu lagi

kes berkaitan dengan betapa luasnya bidangkuasa Tribunal Koperasi dan remedi yang boleh diberikan oleh Tribunal Koperasi boleh didapati daripada kes **Sungai Lidong Co-operative Land Development Society Ltd v Lim Jok Teck & Anor [2009] 9 CLJ 264**. Oleh ini, hujahan Responden bahawa Tribunal Koperasi ini tidak boleh mengkaji balik samada Responden telah membuat keputusan yang betul atau tidak dalam menamatkan keanggotaan Pemohon tidak dapat diterima.

33. Walau apapun prinsip yang terpakai, yang paling penting adalah Tribunal Koperasi ini dan ALK Responden mesti bersikap jujur. Responden telah merujuk kepada kes **Australian Workers' Union v. Bowen** di mana Dixon J di ms 628 menyatakan bahawa jawatan kuasa yang mendengar dan membuat keputusan domestik mempunyai kewajipan di mana:

“... The tribunal is bound to act honestly...”.

Selain daripada itu, Responden juga menyatakan bahawa Tribunal Koperasi ini hanya boleh mengganggu keputusan Responden -

“a) Where Rules of natural justice had been breached;

b) Where the decision making process and the decision itself was made ultra vires the rules of the Repondent;

*c) Where there had been mala fides or malice in arriving at the decision to suspend and expel the Complainant (see **Dawkins v. Antrobus [1881] 17 Ch D 615**)”.*

34. Tribunal Koperasi ini membuat penelitian bahawa Responden telah tidak memberi sebarang jawapan kepada Perkara 1 dan Perkara 2 Surat Pohon Penjelasan Pemohon. Pada pandangan Tribunal Koperasi ini, Perkara 1 dan Perkara 2 merupakan sesuatu yang amat serius sebab ia menyentuh kredibiliti dan integriti pemimpin-pemimpin iaitu, ALK dalam Responden, yang dipertanggungjawabkan dengan pengendalian hal ehwal pengurusan serta kewangan Responden. Sehingga ke hari ini, ketiga-tiga orang dalam Lembaga Responden yang terbabit dalam rencana muka tengah tersebut telah tidak membuat penafian berkenaan perkara yang telah dilaporkan di dalam surat khabar tersebut.

35. Semasa pemeriksaan balas SR2, ia telah mengaku bahawa gambar-gambar setiausaha, bendahari dan seorang ALK Koperasi Responden bernama En Kunasekaran dipaparkan di dalam siaran akhbar Malaysia Namban bertarikh 1 Februari 2009 berkaitan dengan rencana mukasurat tengah berkenaan Koperasi Serbaguna Kebangsaan Berhad (Koperasi Serbaguna). SR2 menyatakan bahawa Responden dan ketiga-tiga orang iaitu setiausaha, bendahari dan En Kunasekaran tidak mengambil tindakan undang-undang secara persendirian terhadap akhbar tersebut tetapi Koperasi Serbaguna telah mengambil tindakan undang-undang terhadap Malaysia Namban oleh kerana hanya nama Koperasi Serbaguna disebutkan di dalam rencana mukasurat tengah dan terdapat pernyataan palsu yang telah dibuat terhadap Koperasi Serbaguna.

36. Keterangan SR2 telah dicabar oleh Pemohon kerana Pemohon telah memperolehi sepucuk surat daripada Malaysia Namban bertarikh 10 Julai 2011 yang menyatakan bahawa tiada tindakan undang-undang difailkan terhadap Malaysia Namban berkaitan dengan rencana mukasurat tengah di ms 20 Borang A. Surat tersebut telah dikemukakan sebagai P4. Surat P4 telah ditunjukkan kepada saksi SR2 dan SR2 menyatakan bahawa dia tidak faham Bahasa Inggeris dan meminta supaya surat itu dibaca oleh peguamnya. Setelah membaca surat tersebut, En. Kalai, iaitu peguam Responden dalam kes ini, menyatakan bahawa Responden tidak mahu menjawab kepada apa yang dinyatakan dalam P4 kerana ia tidak relevan kepada kes ini.

37. Pengerusi Tribunal telah membaca dan menterjemahkan surat P4 dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia kepada SR2 dan meminta pengesahan daripada SR2 berkenaan dengan kandungan surat P4. SR2 menyatakan bahawa En Kalai peguamnya akan tahu sama ada atau tidak tindakan undang-undang telah diambil oleh Koperasi Serbaguna terhadap Malaysia Nanban kerana peguam Koperasi Serbaguna adalah peguam yang sama seperti dalam kes ini iaitu En. Kalai sendiri.

38. Apabila En Kalai ditanya sama ada tindakan undang-undang telah diambil oleh Koperasi Serbaguna terhadap Malaysia Nanban, En Kalai menyatakan bahawa dia tidak mahu menjawab soalan itu sebab soalan itu tiada kaitan dengan kes ini dan segala komunikasi di antara dirinya dan SR2 atau Responden adalah terhad dan dilindungi. Walaupun Tribunal Koperasi ini meminta En Kalai untuk hanya

menyatakan sama ada suatu kes telah difailkan di mahkamah berkaitan dengan rencana mukasurat tengah terhadap Malaysia Nanban kerana pemfailan kes itu dan nombor kes itu tidak sulit dan telah menjadi maklumat umum, En Kalai telah tetap dengan pendirian bahawa fakta tersebut tidak relevan dan tidak mahu memberi pengesahan sama ada tindakan undang-undang telah diambil terhadap Malaysia Nanban sepertimana didakwa oleh SR2.

39. Peluang yang mencukupi telah diberikan kepada SR2 dan peguamnya untuk menafikan apa yang terkandung di dalam P4. Tetapi mereka bukan sahaja tidak membuat sebarang penafian bahkan telah mengukuhkan apa yang terkandung dalam P4. Tribunal Koperasi ini boleh membuat "*adverse inference*" dan memutuskan bahawa oleh kerana Koperasi Serbaguna, Responden, serta Setiausaha, Bendahari dan En Kunasekaran telah tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap Malaysia Nanban berkaitan dengan rencana mukasurat tengah yang melibatkan mereka, apa yang dinyatakan dalam rencana mukasurat tengah di mukasurat 20 Borang A adalah benar. Maka Pemohon mempunyai asas yang kukuh untuk memohon penjelasan daripada Responden.

40. Menurut 45(1) Akta Koperasi 1993, kesemua ALK bertanggung jawab secara berasingan dan secara bersesama dalam memastikan bahawa koperasi diurus dan ditadbir dengan baik. Oleh ini, setiap ALK mesti memastikan bahawa tanggung jawab yang diserahkan kepadanya oleh anggota dengan memilihnya sebagai ALK hendaklah disempunakan menurut 45(1) Akta Koperasi 1993 seperti di bawah ini-

Liabiliti anggota Lembaga

45(1) Dalam perjalanan hal ehwal sesuatu koperasi berdaftar, anggota-anggota Lembaga koperasi berdaftar itu hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggung secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Akta ini, peraturan-peraturan undang-undang kecil koperasi berdaftar itu atau arahan mesyuarat agungnya.”

41. Berdasarkan kepada peruntukan ini, adalah jelas bahawa jika terdapat berita dalam mana-mana surat khabar mengenai salah guna wang Koperasi Serbaguna oleh orang-orang yang juga merupakan ALK Responden, maka Pemohon, sebagai anggota yang prihatin, berhak membuat pertanyaan. Kepentingan Responden dalam hal ini tidak boleh disamakan dengan kepentingan perseorangan ALKnya. Pada pandangan Tribunal Koperasi ini, Pemohon berhak membuat pertanyaan dan meminta penjelasan daripada Lembaga Responden berkaitan dengan penglibatan ALK Responden dalam soal pengurusan kewangan dalam sesebuah Koperasi lain kerana salah laku mereka dalam Koperasi Serbaguna boleh mengaibkan integriti mereka di dalam menjalankan tuga-tugas mereka di dalam Responden.

42. Tambahan lagi, perkara ini adalah suatu perkara yang serius dan jika benar telah berlaku apa yang dilaporkan dalam rencana mukasurat tengah itu, maka Pihak SKM harus diberi kesedaran agar sentiasa dapat mengawasi hal ehwal pentadbiran koperasi di bawah pengawasannya seiring dengan objektif SKM di bawah s4 Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665). Di antara lain, objektif SKM di s4(a) dan (c) adalah untuk:

“(a) merangsang pembangunan koperasi dan sector koperasi yang kukuh dan teratur menurut nilai-nilai serta prinsip-prinsip koperasi bagi menyumbang ke arah pencapaian objektif socio-ekonomi Negara;

(c) mengekalkan keyakinan dalam pergerakan koperasi.”

43. Oleh ini, Tribunal Koperasi ini mendapati dengan sebulat suara bahawa adalah tidak salah bagi Pemohon memberikan sesalanan Surat Pohon Penjelasannya kepada Pihak SKM dan tindakan ini tidak boleh dinyatakan sebagai telah memudaratkan kepentingan Responden.

44. Menurut perenggan 9 Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Responden yang diadakan pada 10.4.2009, Lampiran 3 kepada Borang B Terpinda, adalah didapati bahawa

“En Kunasekaran a/l Natchiappan telah mengatakan bahawa kita boleh mengambil tindakan disiplin terhadap En Rajaretnam...”

*mengikut undang-undang koperasi kita. Oleh itu, kita boleh bergantung keanggotaan mereka pada hari ini iaitu **10.4.2009** hingga Mesyuarat Perwakilan ...”*

***En Sivalingam a/l Vythy, PJK, PPT** telah mengatakan bahawa cadangan pergantungan En Rajaretnam a/l Genggan ... pada hari ini hingga Mesyuarat Perwakilan adalah idea yang bernas. Tetapi mereka boleh menggunakan pergantungan ini dan mendatang ke Mesyuarat Kawasan serta mereka boleh menerima sokongan daripada para ahli koperasi kita. Oleh itu, kita harus mengambil tindakan terhadap mereka untuk mereka tidak mendapat sokongan daripada para ahli koperasi kita.*

***En Uthman a/l Veloo, PJK** telah menjelaskan bahawa lembaga pengarah yang bermesyuarat pada **10.4.2009** telah memutuskan untuk mengantungkan keahlian En Rajaretnam a/l Genggan ... berkuatkuasa serta-merta dan mereka boleh menyatakan pandangan mereka melalui surat mahupun pada mesyuarat agung yang akan berlangsung dalam masa terdekat. Dengan ini, mereka tidak boleh menerima sokongan daripada ahli-ahli koperasi kita.”*

45. Cabutan minit ini menunjukkan bahawa orang-orang yang mempunyai kepentingan dalam perkara yang dibincang iaitu En Kunasekaran a/l Natchiappan dan En Uthman a/l Veloo, bukan sahaja tidak mengecualikan diri daripada perbincangan tersebut bahkan merupakan orang-orang yang melibatkan diri dalam perbincangan dan membuat cadangan dan juga membuat pengundian di mana keputusan dibuat dengan sebulat suara tanpa pengecualian mana-mana ALK. UUK 43(3) dan (4) Responden adalah seperti berikut,

“(3) Seseorang anggota Lembaga tidak boleh mengundi dalam perkara mengenai dirinya atau ia ada kepentingan peribadi.

(4) Seseorang anggota Lembaga yang ada kepentingan peribadi dalam perkara yang akan dipertimbangkan oleh mesyuarat hendaklah mengisytiharkan sepenuhnya kepada Lembaga mengenai penglibatan atau kepentingannya dalam perkara itu.”

46. Berdasarkan kepada UUK ini, adalah jelas bahawa ketiga-tiga orang yang terlibat iaitu En Kunasekaran, Setiausaha dan Bendahari yang mempunyai kepentingan dalam perkara yang dibincangkan harus mengisytiharkan kepentingan mereka dan terus tidak mengundi.

47. Oleh ini, Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa Lembaga Responden telah tidak mempraktikkan apa yang kemukakan dalam kes **Australian Workers’ Union v. Bowen** di mana Dixon J di ms 628 menyatakan bahawa jawatan kuasa yang mendengar dan membuat keputusan mengantungkan keanggotaan Pemohon hendaklah bertindak dengan jujur. Tribunal Koperasi ini juga mendapati bahawa tiga perkara yang disebutkan oleh Responden yang membolehkan Tribunal Koperasi ini mengenepikan keputusan Responden juga wujud, iaitu peraturan hak asasi tidak dipatuhi kerana Surat Tunjuk Sebab dianggap telah diterima oleh Pemohon walaupun sebenarnya surat itu telah dipulangkan kepada Responden; proses membuat keputusan adalah tidak mengikuti UUK Responden kerana Lembaga Responden tidak mengikuti UUK 43(3) dan (4); dan terdapat *mala fides*

atau malice dalam membuat keputusan mengantungkan dan menamatkan keanggotaan Pemohon kerana Pemohon telah tidak diberi hak bertanya dan mendapatkan penjelasan atas suatu perkara yang amat penting berkenaan dengan hal pengurusan kewangan koperasinya.

48. Maka berdasarkan atas prinsip-prinsip dalam kes **Dawkins v. Antrobus [1881] 17 Ch D 615**), adalah keputusan sebulat suara Tribunal Koperasi ini bahawa Pemohon dipulihkan keanggotaannya dan segala haknya sebagai anggota dikembalikan kepadanya dengan segera termasuk dividennya dan lot rumahnya dalam skim perumahan Holmood. Responden diperintahkan supaya mendapat kembali wang yang telah dihantar oleh Responden kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut, Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti Akauntan Negara Malaysia. Kos sebanyak RM1000.00 hendaklah dibayar oleh Responden kepada Pemohon.

Bertarikh 6 Jan 2012

PUAN TAN GHEE PHAIK,
PENGERUSI TRIBUNAL KOPERASI

DALAM KES TRIBUNAL KOPERASI T-03-2011

DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA

DI ANTARA

RAJARATNAM A/L M.GENGAN

PEMOHON

DENGAN

KOPERASI KOTA BERHAD

RESPONDEN

DI HADAPAN:

PENGERUSI TRIBUNAL:

PUAN TAN GHEE PHAIK

ANGGOTA PANEL SKM:

PUAN FATIMAH BINTI ANI

ANGGOTA PANEL KOPERASI:

TUAN HAJI AWI BIN AB.JALIL

ALASAN AWARD

Pengenalan

Rajaratnam A/L M.Gengan (disebut 'Pemohon' selepas ini) telah mengemukakan rujukan pertikaian di bawah seksyen 82(1), Akta Koperasi 1993 (Akta) kepada Tribunal Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia melalui BORANG A dan menamakan Koperasi Kota Berhad sebagai Responden (disebut 'Responden' selepas ini).

Daripada BORANG A, Pemohon memohon remedi berikut:

- i. Diterima balik sebagai anggota Responden

Pihak Koperasi sebagai Responden telah memfailkan Borang B bagi menyangkal dakwaan-dakwaan pemohon disamping menyatakan bahawa penyingkiran pemohon

sebagai anggota koperasi adalah mengikut prosedur yang telah ditetapkan di bawah Undang-undang Kecil 23(1)(c), 23(1)(d), 23(2), 23(3) dan 23(4)

Isu penting yang perlu diputuskan dalam kes ini adalah

- 1) Samada keputusan Lembaga menggantung keanggotaan Pemohon sah atau tidak
- 2) Adakah Pemohon telah bertindak “memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini”

KEPUTUSAN PANEL SKM

Pada pandangan saya, penggantung Pemohon adalah tidak sah kerana Responden tidak mempunyai alasan yang kukuh atas pertuduhannya terhadap Pemohon. Adalah menjadi hak Pemohon untuk mendapatkan **penjelasan** sebagaimana dalam surat Lampiran A Borang A ms 3. Saya berpendapat itu bukanlah satu kesalahan yang boleh memudaratkan koperasi. “Natural Justice” terhadap Pemohon perlu diberikan. Tindakan Responden sewenang-wenangnya menggantung Pemohon atas sebab untuk mendapatkan penjelasan adalah tidak adil. Ini seolah-olah anggota Responden tidak boleh bersuara atau memberikan pendapat atau mengkritik pemimpinnya. Hak/Kebebasan bersuara dalam Koperasi ini adalah terlarang atau dihadkan.

- i) Responden telah merujuk UUK 23(1)(c) dan (d) iaitu tindakan Pemohon untuk mendapatkan penjelasan melalui suratnya seperti di Lampiran A Borang A ms 3 dan telah **memudaratkan** kepentingan koperasi adalah tidak tepat kerana di sepanjang memberi keterangan Responden tidak menjelaskan dengan terperinci apakah **kemudaratkan** yang dialami/ditanggung oleh koperasi akibat dari surat tersebut . Pemohon ada meminta penjelasan sepertimana dalam Nota Keterangan perenggan 5 ms 25 dan perenggan 4 ms 26 (9 Ogos 2011) tetapi pihak Responden gagal memberikan jawapan yang jelas kepada soalan itu.

- ii) Hujah Responden mengatakan Pemohon membuat tuduhan palsu kerana tidak dipanggil dan tidak menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan sejak tahun 2007 dan 2008 tidak boleh dijadikan asas yang Pemohon telah bertindak memudaratkan koperasi kerana Pemohon tidak diberikan penjelasan perbezaan antara Mesyuarat Kawasan Dan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan selepas pindaan UUK tersebut dipinda pada Mesyuarat Agung Tahunan tahun 2006.
- iii) Responden tidak mengambil tindakan memberikan penjelasan atas surat Pemohon di Lampiran A Borang A ms3 tetapi sebaliknya memberikan penjelasan kepada Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) Sabak Bernam dan salinan sahaja dialamatkan kepada Pemohon. Tindakan ini adalah tidak beretika. Responden telah membuat pertuduhan bahawa Pemohon telah mecemarkan reputasi Responden apabila Pemohon memberi satu salinan surat Lampiran A Borang A kepada Penolong Pegawai JPK Sabak Bernam (Pemeriksaan Semula SR2 ms 32 bertarikh 9 Ogos 2011). Ini juga tidak boleh diterima kerana adalah perkara biasa seorang anggota koperasi memaklumkan kepada SKM apa-apa perkara yang dirasakan tidak betul dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi mereka.

Atas alasan di atas dengan ini keputusan saya adalah remedi yang dipohon oleh Pemohon sebagaimana dalam Borang A adalah dibenarkan.

Saya telah membaca alasan award yang disediakan oleh Pengerusi Tribunal Koperasi dan saya bersetuju dengan alasan-alasan yang dikemukakan dan hanya memberi penekanan kepada perkara-perkara di atas sahaja.

Bertarikh pada 6 Jan 2012

(FATIMAH BINTI ANI)
Anggota Tribunal Koperasi SKM

DALAM KES TRIBUNAL KOPERASI T-03-2011

DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA

ANTARA

RAJARATNAM A/L M. GENGAN..... PEMOHON

DAN

KOPERASI KOTA BERHAD.....RESPONDEN

ALASAN AWARD

**KEPUTUSAN TUAN HAJI AWI BIN AB. JALIL, ANGGOTA PANEL KOPERASI
BERDAFTAR**

Ini adalah keputusan pengadilan saya.

Saya memutuskan pembuangan En Rajaratnam dari Koperasi Kota Berhad adalah tidak sah.

(i) Keputusan ALK Responden terlalu drastik. Sepatutnya diberi peluang yang secukupnya kepada Pemohon untuk membela dirinya dengan dihadapkan kepada Jawatankuasa Disiplin Responden.

(ii) Pemohon tidak menerima surat amaran. Ini dibuktikan oleh Pemohon sendiri dan disokong oleh Responden yang mengatakan bahawa surat itu tidak dapat disampaikan kepada Pemohon.

(iii) Jika terbukti Pemohon bersalah tindakan seterusnya adalah Penggantungan Ahli seketika waktu yang difikirkan sesuai oleh ALK.

(iv) Tindakan Pemohon untuk meminta penjelasan dari pihak ALK adalah betul. Ini bersesuaian dengan prinsip berkoperasi kerana ALK dilantik oleh anggota yang hadir dalam Mesyuarat Agung. Jadi salah satu tanggung jawab ALK hendaklah tindaktanduknya memuaskan hati anggota koperasinya.

(v) Pemohon merupakan anggota Pengasas kepada koperasinya kerana Pemohon mewarisi keanggotaan dari Ibunya yang telah mengasaskan penubuhan koperasi ini.

Semua alasan saya berasaskan Undang-Undang Kecil Responden no.23 mengenai Penggantungan dan Pembuangan Aggota.

Selain apa yang disebutkan di atas, saya bersetuju sebulat suara dengan alasan award Pengerusi Tribunal Koperasi yang telah saya baca.

Bertarikh 6 Jan 2012

TUAN HAJI AWI BIN AB. JALIL,
ANGGOTA PANEL KOPERASI BERDAFTAR